

## Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i:

### **Kempen *HLB Mini Loan/HLISB Mini Financing-i Deal***

#### **TEMPOH KEMPEN**

1. Kempen "*HLB Mini Loan/HLISB Mini Financing-i Deal*" ("**Kempen**") Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad ("**HLISB**") (kedua-dua HLB dan HLISB adalah dirujuk secara bersama sebagai "**Bank**") bermula pada 8 Disember 2018 dan tamat pada 6 Julai 2019, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**") melainkan dimaklumkan sebaliknya.

#### **TERMA DAN SYARAT ("T&S")**

Yang berikut merupakan terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini:

#### **KELAYAKAN**

2. Kempen ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia ("**Pelanggan**") yang:
  - (a) Berusia daripada dua puluh satu (21) hingga enam puluh (60) tahun;
  - (b) Bekerja bergaji dengan pendapatan tahunan minima Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
  - (c) Tidak mempunyai kemudahan Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada;
  - (d) Membuat permohonan untuk Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB semasa Tempoh Kempen sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) hingga Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000.00) (kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB adalah dirujuk secara bersama sebagai "**Kemudahan**") dengan tempoh kemudahan dari enam (6) bulan hingga tiga (3) tahun ("**Tempoh Kemudahan**").
  - (e) Membuat permohonan untuk Kemudahan melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect; dan
  - (f) Menerima Kemudahan pada atau sebelum 31 Julai 2019.Untuk mengelakkan dari kecurigaan, Pelanggan yang membuat permohonan melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect hanya layak menyertai Kempen ini sekiranya menerima jemputan melalui iklan yang disasarkan atas platform Connect *post-login* ("**Connect**") dan pendapatan bulanan Pelanggan telah dikreditkan ke dalam akaun semasa/akaun semasa-i atau akaun simpanan/akaun simpanan-i Bank ("**CASA**") selama 3 bulan.

Bagi tujuan Kempen ini, Pelanggan yang memenuhi semua kriteria dalam Klausa 2 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".

3. Pelanggan-pelanggan berikut adalah **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
  - i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, kesalahan undang-undang dan yang berkaitan dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank atau yang telah diisytiharkan muflis atau yang berhadapan dengan prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
  - ii. Pelanggan yang ditentukan oleh Bank sebagai berkemungkinan untuk melakukan sebarang tindakan salah sebagaimana yang dinyatakan di sini; dan/atau
  - iii. Kakitangan Bank, tetap dan kontrak.

**MEKANIK KEMPEN**

**Tawaran Kadar Faedah/Keuntungan 0% setahun untuk 20 Hari**

- Pelanggan Layak yang menerima Kemudahan pada/sebelum 31 Julai 2019 layak untuk tawaran kadar faedah/keuntungan 0% setahun untuk 20 hari ("**Tawaran**") sekiranya Pelanggan melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan tersebut dalam tempoh dua puluh (20) hari selepas tarikh penyaluran Kemudahan itu ("**Tempoh Kadar Faedah/Keuntungan 0% setahun**"). Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak hanya boleh memohon untuk satu (1) Kemudahan pada satu-satu masa semasa Tempoh Kempen dan sekiranya Pelanggan Layak ingin memohon Kemudahan tambahan, Pelanggan Layak perlu melunaskan sepenuhnya Kemudahan sedia ada sebelum permohonan untuk Kemudahan berikutnya boleh dipertimbangkan.

Gambaran Tempoh Kadar Faedah/Keuntungan 0% setahun adalah seperti di bawah:

Tarikh penyaluran kemudahan : 1 Januari 2019  
 Tarikh akhir untuk tempoh kadar : 21 Januari 2019  
 faedah/keuntungan 0% setahun (20 SELEPAS tarikh penyaluran Kemudahan)

- Apabila Pelanggan Layak melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan dalam Tempoh Kadar Faedah/Keuntungan 0% setahun, tidak ada sebarang caj faedah/keuntungan akan dikenakan atas Amaun Kemudahan.
- Apabila Pelanggan Layak gagal untuk melunaskan sepenuhnya Amaun Kemudahan dalam Tempoh Kadar Faedah/Keuntungan 0% setahun atas apa-apa sebab sekalipun, Pelanggan Layak perlu menjelaskan Kemudahan mengikut cara-cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong dan kadar faedah/keuntungan berikut akan dikenakan atas Kemudahan tersebut:

<b>Produk</b>	Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i
<b>Tempoh Kemudahan</b>	6 bulan hingga 3 tahun
<b>Amaun Kemudahan</b>	RM1,000 hingga RM15,000
<b>Kadar Caj Faedah/Keuntungan</b>	12.50% setahun untuk mana-mana Amaun Kemudahan dan Tempoh Kemudahan

Nota: Kadar Keuntungan/Faedah berkisar dari 21.12% setahun sehingga 22.42% setahun untuk tempoh pinjaman/pembiayaan-i 6 bulan hingga 3 tahun.

- Tawaran ini hanya terbuka untuk Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB. Tambah Nilai/Penyatuan Pinjaman Peribadi HLB dan Tambahan Pembiayaan/Penyatuan Pembiayaan Peribadi-i HLISB adalah tidak layak untuk Tawaran ini.
- Fi kemudahan sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima (RM75.00) ("**Fi Kemudahan**"), akan ditolak daripada Kemudahan sewaktu penyaluran dan tidak akan dipulangkan walaupun Pelanggan Layak melunaskan sepenuhnya Kemudahan dalam Tempoh Kadar Faedah/Keuntungan 0% setahun.
- Selain daripada Fi Kemudahan, duti setem sebanyak 0.5% atas Amaun Kemudahan akan dikenakan dan ditolak daripada Amaun Kemudahan sewaktu penyaluran.
- Apabila Kemudahan dijelaskan lebih awal iaitu selepas Tempoh Kadar Faedah/Keuntungan 0% setahun dan sebelum tarikh luput tempoh kemudahan ("**Penyelesaian Awal**") untuk:

**(a) Pinjaman Peribadi HLB**

Pelanggan boleh pada bila-bila masa semasa Tempoh Kemudahan melakukan Penyelesaian Awal sepenuhnya atas Kemudahan dengan memberi notis bertulis awal tiga (3) bulan (“**Notis**”) kepada Bank atau dengan membayar tiga (3) bulan caj faedah atas amaun yang ditebus sebagai ganti Notis. Rebat untuk Penyelesaian Awal (“**Rebat**”) atas caj faedah berbaki yang sepatutnya dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang tempoh belum luput bermula selepas tempoh makluman tiga (3) bulan akan diberikan kepada Pelanggan dengan syarat Pelanggan melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan belum jelas dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak Bank. Rebat adalah dikira berdasarkan formula berikut\*\*:

$$R = \frac{(n - 3)(n - 2)}{N(N + 1)} \times I$$

di mana,

<b>R</b>	Rebat (RM)
<b>n</b>	Bilangan Ansuran Bulanan sepanjang tempoh belum luput
<b>N</b>	Tempoh Pinjaman (berdasarkan bulan)
<b>I</b>	Caj Faedah yang perlu dibayar untuk seluruh Tempoh Pinjaman (RM) pada kadar 12.50% setahun

Gambaran bagaimana Rebat dikira untuk pinjaman tiga puluh enam (36) bulan (3 tahun) dengan amaun pokok sebanyak RM15,000.00 dan kadar caj faedah 12.50% setahun, tetapi dengan penyelesaian awal selepas dua puluh (20) bulan (di mana notis penyelesaian awal diberi kepada Bank sebelum tarikh bayaran Ansuran Bulanan berikutnya) adalah seperti di bawah:

$$N = 36$$

$$n = 36 - 20 = 16$$

$$I = 15,000 \times 12.5/100 \times 3 = \text{RM}5,625$$

$$R = \frac{(16-3)(16-2)}{36(36+1)} \times \text{RM}5,625 = \text{RM}768.51$$

Nota:

\*\*Rebat akan dikira berdasarkan “Peraturan 78” atau “Hasil Tambah Angka” di mana kaedah pengiraan bahagian pokok dan caj faedah kena dibayar untuk keseluruhan Kemudahan menganggap bahawa caj faedah mewakili peratusan yang lebih besar daripada ansuran bulanan pada tempoh awal Kemudahan itu. Pelanggan perlu membayar semua Ansuran Bulanan sepanjang tempoh belum luput yang tertakluk kepada Rebat.

**(b) Pembiayaan Peribadi-i HLISB**

Pelanggan boleh pada bila-bila masa semasa Tempoh Kemudahan melakukan Penyelesaian Awal Kemudahan sepenuhnya dengan memberi notis bertulis awal tiga (3) bulan kepada Bank. Rebat (ibra’) untuk penyelesaian awal atas caj keuntungan berbaki yang sepatutnya dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang tempoh belum luput bermula selepas tempoh notis tiga (3) bulan akan diberikan kepada Pelanggan (“**Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i**”). Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i adalah dikira berdasarkan formula berikut\*\*:

$$R = \frac{n(n + 1)}{N(N + 1)} \times P$$

di mana,

**R** Rebat (RM)

**n** Bilangan Ansuran Bulanan sepanjang tempoh belum luput

**N** Tempoh Pembiayaan (berdasarkan bulan)

**P** Caj Keuntungan yang Perlu Dibayar untuk seluruh Tempoh Pembiayaan (RM) pada kadar 12.5% setahun

Gambaran bagaimana Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i dikira untuk pembiayaan tiga puluh enam (36) bulan (iaitu 3 tahun) dengan amaun pokok sebanyak RM15,000.00 dan kadar caj keuntungan 12.50% setahun, tetapi dengan penyelesaian awal selepas dua puluh (20) bulan (di mana notis penyelesaian awal diberi kepada Bank sebelum tarikh bayaran Ansuran Bulanan berikutnya) adalah seperti di bawah:

$$N = 36$$

$$n = 36 - 20 = 16$$

$$P = 15,000 \times 12.5/100 \times 3 = \text{RM}5,625$$

$$R = \frac{16(16+1)}{36(36+1)} \times 5,625 = \text{RM}1,148.65$$

Nota:

\*\*Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i akan dikira berdasarkan “Peraturan 78” atau “Hasil Tambah Angka” di mana kaedah pengiraan bahagian pokok dan caj keuntungan kena dibayar untuk keseluruhan Kemudahan menganggap bahawa caj keuntungan mewakili peratusan yang lebih besar daripada ansuran bulanan pada tempoh awal Kemudahan itu. Pelanggan perlu membayar semua Ansuran Bulanan sepanjang tempoh belum luput yang tertakluk kepada Rebat untuk Pembiayaan Peribadi-i.

## UMUM

11. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dengan ini:

- (i) Bersetuju yang Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mentadbir Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
- (ii) Bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) dan/atau Laman Sesawang Kempen di [www.hlb.com.my/mini](http://www.hlb.com.my/mini) (“Laman Sesawang Kempen”) secara berkala untuk menyemak Terma dan Syarat dan memastikan yang Pelanggan mengikuti perkembangan semasa sebarang perubahan atau pemindaan Terma dan Syarat;
- (iii) Bersetuju yang keputusan Bank dalam segala perkara berkaitan Kempen ini adalah yang terakhir, muktamad dan mengikat dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
- (iv) Bersetuju untuk bertanggungjawab atas dan secara peribadi menanggung semua cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan ke atas Pelanggan di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkaitan penyertaan Pelanggan dalam Kempen ini;

12. Bank mempunyai hak untuk:

- (i) Menolak menurut budi bicaranya yang tunggal dan mutlak sebarang permohonan Kemudahan yang dihantar tanpa menyatakan apa-apa sebab;
  - (ii) Menyingkirkan mana-mana Pelanggan menurut budi bicaranya yang tunggal dan mutlak daripada menyertai Kempen ini;
  - (iii) Menambah, membatalkan, menggantung atau meminda, secara keseluruhan atau sebahagian, Terma dan Syarat ini, atau menamatkan Kempen ini menurut budi bicaranya yang mutlak, dengan cara mengumumkan di Laman Sesawang Kempen atau dengan cara yang dirasakan Bank sebagai praktikal;
13. Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mentadbir Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong mesti dibaca bersama sebagai satu perjanjian yang menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan terma dan syarat yang mentadbir Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, Terma dan Syarat yang khusus di sini akan terpakai ke atas percanggahan tersebut.
14. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau berhubungan dengan Kempen ini, terma dan syarat terakhir di Laman Sesawang Kempen akan terpakai.
15. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
16. Perkataan yang menandakan satu jantina adalah merangkumi jantina yang lain dan perkataan yang menandakan sesuatu yang tunggal adalah merangkumi padanannya yang jamak dan sebaliknya.